

Bilangan penganggur 573,700 September lalu

PETALING JAYA – Bilangan penganggur terus merekodkan penurunan pada September kepada 573,700 orang, mencatatkan kadar pengangguran 3.4 peratus, menurut Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, kedudukan tenaga buruh negara kekal dalam trend pertumbuhan positif dengan mencatat peningkatan kecil dalam bilangan penduduk bekerja.

Menurut beliau, jumlah pengangguran kini terus berkurang selari dengan perkembangan ekonomi semasa.

“Penganggur aktif iaitu mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi 80 peratus daripada jumlah penganggur melibatkan seramai 458,900 orang.

“Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 61.6 peratus adalah mereka yang menganggur kurang tiga bulan, manakala 6.1 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun.

“Penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 peratus kepada 114,800 orang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Untuk tempoh suku tahun ketiga 2023, Putrajaya merekodkan kadar pengangguran terendah dengan 0.5 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (2.1 peratus), Kedah dan Selangor (2.3 peratus).

Jabatan Perangkaan menjangkakan, pasaran buruh negara kekal stabil dengan prospek pertumbuhan sederhana pada bulan akan datang, disokong peningkatan dalam aktiviti pelancongan serta kemajuan pelaburan dan pelaksanaan projek infrastruktur utama.

“Inisiatif membangunkan program latihan bersasar kepada pekerja ekonomi gig, akan membuka peluang baharu kepada belia,” katanya.